

18 JUL 2000

HONDA-MALAYSIA/I

PIHAK M'SIA AKAN PEGANG KEPENTINGAN MAJORITI DALAM USAHA SAMA BARU

HONDA

Oeh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Pihak-pihak Malaysia akan memegang kepentingan majoriti 51 peratus dalam cadangan penggabungan antara Honda Motor Co Ltd of Japan, DRB-HICOM Bhd dan Oriental Holdings Bhd, sumber-sumber industri berkata hari ini.

Daripada kepentingan Malaysia itu, DRB-HICOM akan memegang pegangan saham lebih besar daripada Oriental Holdings di dalam pangkalan pengeluaran usaha sama itu yang bukan sahaja menyediakan bagi pasaran tempatan tetapi juga pasaran eksport, tambah mereka.

Honda akan memegang 49 peratus daripada usaha sama itu yang akan juga memasang dan mengedar kenderaan Honda di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan upacara menanda tangani di antara ketiga-tiga pihak itu di pejabat beliau di Putrajaya esok.

Sementara itu, para penganalisis berkata keputusan Honda untuk menubuhkan sebuah pangkalan pengeluaran serantau di Malaysia berasaskan usaha sama dengan DRB-HICOM dan Oriental Holdings dilihat sebagai satu pengukuhan ikrar sokongannya bagi iklim pelaburan dan dasar-dasar ekonomi negara ini.

Seorang penganalisis berkata langkah itu adalah satu perakuan terhadap wujudnya sumber manusia mahir dan kemudahan-kemudahan prasarana di negara ini.

Salah seorang daripada mereka apabila dihubungi juga berkata langkah itu adalah bukti sokongan Jepun bagi sektor pembuatan Malaysia dan satu lagi kejayaan "Dasar Pandang Ke Timur" Dr Mahathir.

Penganalisis itu berkata pilihan DRB-HICOM adalah juga tidak mengejutkan kerana kumpulan itu telah bekerja dengan syarikat-syarikat automobil terkemuka Jepun seperti Isuzu dan Mitsubishi.

Di samping penggabungan DRB-HICOM dengan Kawasaki bagi kilang motosikal Modenas, ia juga telah bekerja secara langsung dengan Honda di dalam pengeluaran enjin-enjin motosikal 110 cc dan 600 cc.

Sumber-sumber industri berkata usaha sama itu akan mempunyai modal berbayar pendahuluan sebanyak AS\$100 juta atau RM380 juta.

Apabila ditubuhkan, pangkalan pengeluaran itu dijangka menumpukan kepada mengeluarkan kenderaan pacuan empat roda CRV dan kenderaan pelbagai guna Odyssey.

Bagaimanapun, kilang itu dijangka turut memasang model-model Accord, Civic dan City yang kini dijalankan oleh Oriental Assemblers Sdn bhd, anak syarikat Oriental Holdings.

Keseluruhannya, syarikat usaha sama itu akan mula mengeluarkan di antara 15,000 dan 20,000 kenderaan setahun.

Penggabungan DRB-HICOM dengan Honda dan Oriental Holdings adalah juga sebahagian daripada strateginya untuk mempunyai sektor automotif sebagai salah satu daripada sektor utama kumpulan itu.

Pada penutup Bursa Saham Kuala Lumpur yang lebih lega secara amnya hari ini, saham DRB jatuh 24 sen kepada RM3.54, HICOM tidak berubah pada RM1.67 dan Oriental Holdings lega lima sen kepada RM8.85.

-- BERNAMA

SHY MR OS